

Hati-hati isu Jalur Gemilang, 3R

- **Penjawat awam diminta lebih teliti perkara sensitif**
- **Jangan ulangi kesilapan seperti kesalahan bendera**

Oleh NOR AINNA HAMZAH

KUALA PILAH – Semua penjawat awam dinasihatkan supaya lebih berhati-hati apabila melibatkan perkara yang sensitif kepada negara termasuk isu berkaitan Jalur Gemilang agar kesalahan sama tidak berulang.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz berkata, isu berkaitan Jalur Gemilang dilihat mengundang rasa tidak puas hati banyak pihak.

"Perkara ini (paparan salah Jalur Gemilang) seperti bersambung-sambung. Sebelum ni pihak akhbar, sekarang ini di bawah Kementerian Pendidikan."

"Jadi nasihat saya kepada penjawat awam supaya kita lebih



WAN AHMAD DAHLAN (depan, tengah) pada Majlis Peluncuran Kampung Angkat Madani, Sekolah Angkat Madani dan Sambutan Hari Raya Madani JPA bersama penduduk Kampung Seri Menanti di Kuala Pilah semalam.

berhati-hati apabila melibatkan perkara-perkara yang ada sensitiviti kepada negara seperti bendera atau pun perkara-perkara menyentuh 3R (raja, agama dan kaum).

"Kerana ini pasti akan berlaku satu keadaan banyak pihak yang tidak berpuasa hati. Contoh bendera, bendera merupakan satu kemegahan kepada kita yang patut kita julang, kita jaga dengan

sebaik mungkin," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Peluncuran Kampung Angkat Madani, Sekolah Angkat Madani, dan Majlis Sambutan Hari Raya Madani Jabatan

Perkhidmatan Awam bersama penduduk Kampung Seri Menanti, di sini semalam.

Terdahulu, KPM memohon maaf atas kesilapan pemaparan Jalur Gemilang dalam Laporan Analisis Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2024.

KPM meminta agar laporan analisis itu dikembalikan semula kepada pihaknya dan pembetulan segera akan dilakukan.

Laporan analisis tersebut telah dikongsikan kepada petugas media selepas pengumuman SPM 2024 dibuat oleh Ketua Pengarah Pendidikan.

Sebelum ini, media melaporkan Ketua Editor dan Timbalan Ketua Penyunting *Sin Chew Daily*, ditahan polis bagi membantu siasatan berhubung isu penyiaran ilustrasi Jalur Gemilang yang tidak lengkap di muka hadapan akhbar itu.

Akhbar berbahasa Cina itu menyiarkan ilustrasi Jalur Gemilang di muka hadapannya sempena liputan lawatan negara Presiden China, Xi Jinping ke Malaysia, namun gambar bendera tersebut tidak lengkap.